

PRULink Elite Balanced Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2025 melainkan jika dinyatakan

Ciri-ciri Dana

Objektif Pelaburan	PRULink Elite Balanced Fund (“Dana”) bertujuan untuk mencapai potensi pertumbuhan modal sederhana dalam jangka sederhana hingga panjang melalui pelaburan global termasuk ekuiti, sekuriti berkaitan ekuiti, sekuriti hutang, deposit atau mana-mana instrumen kewangan yang lain secara langsung, dan/atau tidak langsung melalui penggunaan mana-mana dana seperti dana berkaitan pelaburan yang kami tubuhkan, Skim Pelaburan Kolektif (“CIS”) dan/atau Dana Dagangan Bursa (“ETF”).
Strategi Pelaburan & Pendekatan	Dana ini akan melabur terutamanya dalam dana-dana pelaburan [Dana Sasaran/CIS/ETF, secara kolektif “Dana Sasaran”] untuk mencapai objektif pelaburan. Dana (-dana) Sasaran akan dipantau untuk menilai prestasi, proses, gaya dan kedudukan. Peruntukan ke, atau Dana (-dana) Sasaran mungkin berubah jika dianggap tidak sesuai untuk memenuhi objektif Dana. Dana ini juga boleh melindungi sehingga 100% pendedahan mata wang asing menggunakan derivatif (contohnya, hadapan mata wang) apabila dianggap perlu. Nota: Rujuk kepada maklumat tambahan untuk butir-butir Dana (-dana) Sasaran.
Peruntukan Aset	Dana ini akan melabur sehingga 100% Nilai Aset Bersih (NAV) Dana dalam Dana (-dana) Sasaran/CIS/ETF yang ditentukan oleh Pengurus Dana. Baki Nilai Aset Bersih (NAV) Dana akan dilaburkan dalam aset cair.
Piawaian Prestasi	Piawaian prestasi aras akan berubah mengikut Dana (-dana) Sasaran. Pada permulaan, penanda aras adalah: 60% MSCI AC World Index + 40% Maybank 12 Month Fixed Deposit Rate <i>Untuk maklumat lanjut berkenaan penanda aras sila layari www.msci.com, www.maybank.com.my</i>
Pengurus Dana	Prudential Assurance Malaysia Berhad 198301012262 (107655-U)

Yuran & Caj

Caj Pengurusan Dana	1.30% setiap tahun
Caj-caj lain, jika ada	Tiada

PRULink Elite Balanced Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2025 melainkan jika dinyatakan

Prestasi Dana

PRULink Elite Balanced Fund adalah dana baru. Sejarah prestasi dana tidak wujud.

Notis: Prestasi dana masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya. Ini hanya adalah bagi prestasi dana pelaburan/ dasar, dan bukan pulangan daripada premium yang dibayar oleh produk insurans berkaitan pelaburan.

Asas kiraan prestasi masa lalu:

$$= \left(\frac{\text{Net Aset Bersih untuk Tahun } n}{\text{Net Aset Bersih untuk Tahun } n - 1} - 1 \right) \%$$

Maklumat Tambahan untuk PRULink Elite Balanced Fund

Pada permulaan, Dana ini akan melabur dalam Dana Sasaran termasuk ekuiti, bon dan pelaburan komoditi. Strategi peruntukan aset daripada pelaburan masing-masing mungkin berbeza bergantung pada keadaan pasaran, prestasi dana dan kesesuaian Dana Sasaran dalam memenuhi objektif pelaburan dana.

Peruntukan Aset	Wajaran semasa	Dana Sasaran
Ekuiti	60%	1. T. Rowe Price US Structured Research Equity (USD) Penanda aras: <i>S&P 500 Index Net 30% withholding tax</i> 2. Blackrock Advantage Europe Equity (EUR) Penanda aras: <i>MSCI Europe Net Total Return</i> 3. Eastspring Investments Asian Equity Income Fund (USD) Penanda aras: <i>MSCI AC Asia Pacific ex-Japan Index</i> 4. Amundi Core MSCI Japan Undertakings for Collective Investment in Transferable Securities (UCITS) ETF (JPY) Penanda aras: <i>100% MSCI Japan Net Total Return</i>
Bon	35%	5. Blackrock Global Funds Global Corporate Bond Fund (USD) Penanda aras: <i>Bloomberg Global Aggregate Corporate Index, 100% USD hedged</i> 6. PRULink Bond Fund II (MYR) Penanda aras: <i>Maybank 12 Month Fixed Deposit Rate</i>
Komoditi	5%	7. Amundi Physical Gold Exchange Traded Commodities (ETC) (USD) Penanda aras: <i>100% London Gold Market Fixing Limited – London Bullion Market Association (LBMA) Precious Metals Fixing Price</i>

PRULink Elite Balanced Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2025 melainkan jika dinyatakan

1. T.Rowe Price US Structured Research Equity (USD)

T.Rowe Price US Structured Research Equity Fund (“Dana Sasaran”) adalah berdenominasi dalam USD dan bertujuan untuk meningkatkan nilai saham, dalam jangka masa panjang, melalui pertumbuhan nilai pelaburan. Strategi pelaburan ini bertujuan untuk mendapatkan pendedahan neutral terhadap sektor dan industri kepada S&P 500 Index, dengan nilai tambahan dijana melalui kemahiran pemilihan saham. Strategi ini menggabungkan penyelidikan asas dengan proses pembinaan portfolio yang berdisiplin bagi mencapai objektif pelaburannya, sambil mengekalkan ciri-ciri sektor, industri dan portfolio yang serupa dengan penanda aras S&P 500 Index, melalui had yang jelas terhadap wajaran sektor/industri, saiz pegangan, serta pendedahan kepada saham tidak termasuk dalam penanda aras tersebut.

Prestasi Dana Sasaran adalah dibandingkan dengan S&P 500 Index (net 30% cukai pegangan) yang sejajar dengan rapat terhadap ciri-ciri risiko portfolio Dana Sasaran. Wajaran sektor dan industri dikawal rapi relatif kepada S&P 500 Index, di mana wajaran pendedahan sektor akan berada dalam julat +/- 150 mata asas (bps) daripada wajaran indeks, manakala pendedahan industri berada dalam julat +/- 100 mata asas (bps) daripada wajaran indeks.

Prestasi tahun kalendar bagi T.Rowe Price US Structured Research Equity Fund pada 31 Disember 2025 adalah seperti berikut:

Tahun	2025	2024	2023	2022	2021	2020	2019	2018	2017	2016
Prestasi Bersih	16.47%	26.60%	29.95%	-18.65%	28.14%	20.33%	32.75%	-4.23%	24.01%	10.57%

Nota: Pulangan di atas adalah bagi Dana Sasaran yang berdenominasi dalam USD.

Sumber: Morningstar, 31 Disember 2025

2. Blackrock Advantage Europe Equity Fund (EUR)

Blackrock Advantage Europe Equity Fund (“Dana Sasaran”) adalah berdenominasi dalam Euro dan bertujuan mencapai pertumbuhan modal jangka masa panjang. Dana Sasaran ini berusaha untuk memperoleh sekurang-kurangnya 70% pendedahan pelaburannya kepada sekuriti berkaitan ekuiti syarikat yang diperbadankan, disenaraikan, atau menjalankan perniagaan utamanya di Eropah. Ini dicapai melalui pelaburan dalam sekuriti ekuiti, sekuriti lain yang berkaitan dengan ekuiti, sekuriti pendapatan tetap, instrumen pasaran wang, deposit dan tunai.

Strategi pelaburan Dana Sasaran menggunakan teknik kuantitatif lanjutan disokong oleh pendekatan pelaburan berasaskan data yang teliti, serta telah diklasifikasikan sebagai Artikel 8 di bawah Sustainable Finance Disclosure Regulation (SFDR).

Prestasi Dana Sasaran adalah dibandingkan dengan MSCI Europe Index (Pulangan Bersih). Prestasi tahun kalendar bagi Blackrock Advantage Europe Equity Fund pada 31 Disember 2025 adalah seperti berikut:

Tahun	2025	2024	2023	2022	2021
Prestasi Bersih	20.96%	9.50%	17.70%	-8.63%	31.39%

Nota: Pulangan di atas adalah bagi Dana Sasaran yang berdenominasi dalam EUR.

Sumber: Blackrock, 31 Disember 2025

3. Eastspring Investments Asian Equity Income Fund (USD)

Eastspring Investments Asian Equity Income Fund (“Dana Sasaran”) adalah berdenominasi dalam USD dan bertujuan untuk menjana pertumbuhan modal jangka masa panjang dan pendapatan melalui pelaburan terutamanya dalam ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti syarikat yang diperbadankan, disenaraikan atau mempunyai kawasan aktiviti utama di Rantau Asia Pasifik kecuali Jepun. Dana Sasaran juga boleh melabur dalam resit depositori termasuk American Depositary Receipts (ADR) and Global Depositary Receipts (GDR), sekuriti hutang yang boleh ditukar kepada syer biasa, syer keutamaan dan waran. Dana Sasaran juga boleh melabur sehingga 20% daripada aset bersihnya dalam People’s Republic of China (PRC)

PRULink Elite Balanced Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2025 melainkan jika dinyatakan

melalui China A-shares secara langsung melalui Shanghai-Hong Kong Stock Connect dan/atau Shenzhen-Hong Kong Stock Connect.

Prestasi Dana Sasaran adalah dibandingkan dengan MSCI AC Asia Pacific ex Japan Index. Prestasi tahun kalendar bagi Eastspring Investments Asian Equity Income Fund pada 31 Disember 2025 adalah berikut:

Tahun	2025	2024	2023	2022	2021
Prestasi Bersih	33.70%	9.30%	7.90%	-19.80%	-7.60%

Nota: Pulangan di atas adalah bagi Dana Sasaran yang berdenominasi dalam USD.

Sumber: Eastspring Investments, 31 Disember 2025

4. Amundi Core MSCI Japan UCITS ETF (JPY)

Amundi Core MSCI Japan UCITS ETF ("Dana Sasaran") adalah berdenominasi dalam JPY dan diuruskan secara pasif oleh Amundi Asset Management Luxembourg. Ia direka untuk mewakili prestasi segmen syarikat bermodal besar dan sederhana dalam pasaran ekuiti Jepun, yang meliputi kira-kira 85% daripada permodalan pasaran yang diselaraskan mengikut apungan bebas di Jepun. Prestasi ETF ini adalah dibandingkan dengan MSCI Japan (Jumlah Pulangan Bersih).

Prestasi Dana Sasaran adalah dibandingkan dengan jumlah pulangan bersih MSCI Japan Index. Prestasi tahun kalendar bagi Amundi Core MSCI Japan UCITS ETF pada 31 Disember 2025 adalah berikut:

Tahun	2025	2024	2023	2022	2021	2020	2019
Prestasi Bersih	24.15%	20.63%	28.44%	-4.64%	13.29%	8.56%	18.34%

Nota: Pulangan di atas adalah bagi Dana Sasaran yang berdenominasi dalam JPY.

Sumber: Amundi, 31 Disember 2025

5. Blackrock Global Funds Global Corporate Bond Fund (USD)

Blackrock Global Funds Global Corporate Bond Fund ("Dana Sasaran") adalah berdenominasi dalam USD dan bertujuan untuk memaksimumkan pulangan pelaburan melalui gabungan pertumbuhan modal dan pendapatan daripada aset Dana Sasaran. Dana Sasaran melabur sekurang-kurangnya 70% daripada jumlah asetnya secara global dalam sekuriti pendapatan tetap, bon dan instrumen pasaran wang. Sekurang-kurangnya 70% daripada jumlah aset Dana Sasaran akan diterbitkan oleh syarikat-syarikat dan akan mempunyai taraf gred pelaburan pada masa pembelian. Baki selebihnya boleh merangkumi pelaburan yang mempunyai penarafan kredit lebih rendah atau tanpa penarafan.

Prestasi Dana Sasaran adalah dibandingkan dengan Bloomberg Global Aggregate Corporate Index USD Hedged. Prestasi tahun kalendar bagi Blackrock Global Funds Global Corporate Bond Fund pada 31 Disember 2025 adalah berikut:

Tahun	2025	2024	2023	2022	2021	2020	2019	2018	2017	2016
Prestasi Bersih	6.86%	3.34%	9.07%	-14.93%	-2.04%	8.10%	12.34%	-2.71%	5.65%	4.36%

Nota: Pulangan di atas adalah bagi Dana Sasaran yang berdenominasi dalam USD.

Sumber: Blackrock, 31 Disember 2025

6. PRULink Bond Fund II (MYR)

PRULink Bond Fund II ("Dana Sasaran") adalah dana sedia ada yang berdenominasi dalam MYR dan bertujuan untuk memberikan pulangan yang stabil dalam jangka masa sederhana hingga panjang dengan melabur terutamanya dalam sekuriti faedah tetap dan deposit, mata wang, derivatif, atau mana-mana instrumen kewangan yang lain secara langsung, dan/atau tidak langsung menerusi penggunaan mana-mana dana-dana seperti dana berkaitan pelaburan yang kami tubuhkan, skim pelaburan kolektif dan/atau pertukaran dana yang diniagakan.

PRULink Elite Balanced Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2025 melainkan jika dinyatakan

Dana ini akan melabur terutamanya dalam sekuriti faedah tetap dan deposit secara langsung, atau tidak langsung melalui dana **PRULink** atau mana-mana dana pelaburan yang lain dengan tujuan untuk mencapai objektif pelaburan. Dana ini juga boleh melabur di dalam ekuiti modal besar, sekuriti yang boleh ditukar dan/atau mana-mana instrumen kewangan lain terpilih yang mungkin digunakan untuk melindungi nilai portfolio. Dana ini boleh lindung nilai sehingga 100% dalam pendedahan mata wang asing menggunakan derivatif (e.g. kontrak depan mata wang).

Dana Sasaran juga mempunyai pendedahan pelaburan sehingga 10% dalam Allianz Income & Growth (USD), yang diuruskan oleh Allianz Global Investors ("AGI"). Dana bertujuan untuk pertumbuhan modal dan pendapatan jangka masa panjang dengan melabur dalam sekuriti hutang korporat dan ekuiti US dan/atau ekuiti dan pasaran bon Canadian. Prestasi tahun kalendar bagi Allianz Income & Growth pada 31 Disember 2025 adalah berikut:

Prestasi	Tahun ke Tarikh	1 Bulan	3 Bulan	6 Bulan	1 Tahun	3 Tahun (setahun)	5 Tahun (setahun)	Sejak Penubuhannya (setahun)
Allianz Income and Growth (PT USD)	11.26%	0.21%	2.21%	6.65%	11.26%	13.28%	5.73%	7.48%

Nota: Pulangan di atas adalah bagi Allianz Income & Growth yang berdenominasi dalam USD.

Sumber: Allianz, 31 December 2025

Prestasi Dana Sasaran adalah dibandingkan dengan Maybank 12 Month Fixed Deposit Rate. Prestasi tahun kalendar bagi **PRULink Bond Fund II** pada 31 Disember 2025 adalah berikut:

Tahun	2025	2024
Prestasi Bersih	4.10%	0.70%*

Nota: Pulangan di atas adalah bagi Dana Sasaran yang berdenominasi dalam MYR.

**Tarikh penubuhan Dana Sasaran 15 Julai 2024.*

Sumber: PAMB FFS, 31 December 2025

7. Amundi Physical Gold ETC (USD)

Amundi Physical Gold exchange-traded commodity ("Dana Sasaran") adalah berdenominasi dalam USD dan diuruskan oleh Amundi Asset Management Luxembourg. Gold ETC menyediakan cara yang telus dan cekap untuk melabur dalam emas, yang didagangkan di bursa utama bursa European, termasuk bursa saham London, Euronext Paris dan Borsa Italiana.

Gold ETC bertujuan untuk menjejak Harga Emas London Bullion Market Association (LBMA), menawarkan cara yang telus untuk mengikuti pergerakan pasaran emas tanpa kerumitan logistik penyimpanan emas fizikal. Termasuk Emas adalah satu bentuk kepelbagaian risiko portfolio, yang berpotensi menjadi sumber penyahkorelasi terhadap kelas aset lain. Emas menunjukkan ciri-ciri lindung nilai semasa tempoh ketidakpastian. Walau bagaimanapun, Emas secara umumnya lebih tidak menentu berbanding dengan kebanyakan kelas aset lain, menjadikan pelaburan dalam Emas lebih berisiko dan kompleks berbanding dengan pelaburan lain, dan harga pasaran sekunder sekuriti ETC juga mungkin menunjukkan tahap ketidakpastian yang serupa.

Prestasi Dana Sasaran adalah dibandingkan dengan London Gold Market Fixing Ltd - LBMA PM Fixing Price. Prestasi tahun kalendar bagi Amundi Physical Gold ETC pada 31 Disember 2025 adalah berikut:

Tahun	2025	2024	2023	2022	2021	2020
Prestasi Bersih	64.80%	26.44%	13.66%	-0.54%	-3.89%	23.98%

Nota: Pulangan di atas adalah bagi Dana Sasaran yang berdenominasi dalam USD.

Sumber: Amundi, 31 Disember 2025

PRULink Elite Balanced Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2025 melainkan jika dinyatakan

PAMB sebagai Pengurus Dana akan terus mengkaji dan menilai prestasi dan kesesuaian Dana Sasaran dalam memenuhi Objektif Pelaburan Dana. Sekiranya Dana Sasaran dianggap tidak sesuai, PAMB sebagai Pengurus Dana akan menyemak dan mengubah Dana Sasaran, jika perlu, tertakluk kepada keselarasan dengan objektif pelaburan dan penanda aras Dana. Dana ini juga boleh melindungi sehingga 100% pendedahan mata wang asing menggunakan derivatif (contohnya, hadapan mata wang) apabila dianggap perlu.

Sebarang perubahan terhadap Dana Sasaran tidak akan memberi kesan kepada objektif pelaburan, strategi, peruntukan aset, penanda aras, pengurusan risiko dan caj pengurusan Dana ini. Manfaat perubahan Dana Sasaran adalah untuk meningkatkan prestasi Dana dan mempelbagaikan risiko pelaburan, selaras dengan pendekatan pelaburan Dana yang membenarkan perubahan Dana Sasaran, dengan syarat perubahan tersebut memberi manfaat kepada prestasi Dana. Akhir sekali, Dana Sasaran, setelah melalui proses usaha wajar yang teliti, adalah disyorkan memandangkan liputan geografi dan strateginya juga sejajar dengan objektif pelaburan Dana.

Yuran pengurusan Dana boleh dikenakan pada peringkat Dana dan/atau Dana Sasaran. Sila ambil perhatian bahawa anda akan dikenakan caj maksima sebanyak 1.30% setahun, yang merupakan gabungan bagi caj pengurusan dana tahunan pada peringkat Dana dan Dana Sasaran. Selain itu, Dana mungkin menanggung kos lindung nilai apabila derivatif (contohnya kontrak depan mata wang) digunakan bagi tujuan lindung nilai.

Dana-dana Sasaran dengan strategi pelaburan untuk melabur dalam Dana Dagangan Bursa atau Skim Pelaburan Kolektif yang lain mungkin dikenakan yuran tambahan pada peringkat Dana Sasaran yang diambil kira sebagai sebahagian daripada pertimbangan strategi pelaburan untuk mencapai prestasi dana.

Risiko-Risiko Pelaburan

Dana ini tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan amaun pokok yang dilaburkan. Nilai unit mungkin turun dan juga naik. Selain itu, Dana ini juga tertakluk kepada risiko tertentu termasuk dan tidak terhad kepada:

Risiko-Risiko Umum apabila Melabur dalam Dana ini

Risiko Pasaran

Risiko pasaran merujuk kepada potensi kerugian yang mungkin dialami akibat perubahan-perubahan buruk dalam keadaan pasaran. Keadaan pasaran secara umumnya, dijejaskan oleh, di antara lain-lain, kestabilan ekonomi dan politik. Jika pasaran di mana Dana ini melabur mengalami kelembapan atau ketidakstabilan akibat keadaan ekonomi atau politik yang buruk, ini boleh memberi kesan negatif kepada harga pasaran pelaburan bagi Dana ini.

Risiko Kecairan

Risiko kecairan ini merujuk kepada dua senario. Senario pertama adalah di mana pelaburan tidak boleh dijual akibat ketiadaan pembeli untuk pelaburan tersebut. Senario kedua adalah di mana pelaburan tersebut merupakan dagangan kecil. Sekiranya pelaburan dalam Dana Sasaran merupakan dagangan kecil, ini boleh menyebabkan Dana ini untuk melepaskan pelaburan tersebut pada harga yang tidak menguntungkan di pasaran dan boleh memberi kesan negatif kepada pelaburan pelabur. Risiko ini boleh dikurangkan melalui proses pemilihan sekuriti yang ketat.

Risiko Inflasi

Risiko ini merujuk kepada kemungkinan pelaburan pelabur tidak seiring dengan inflasi, maka mengakibatkan kekurangan kuasa beli pelabur walaupun pelaburan dalam segi kewangan mungkin telah meningkat.

PRULink Elite Balanced Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2025 melainkan jika dinyatakan

Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko am yang mempengaruhi dana konvensional. Perkara ini tetap terjadi walaupun dana konvensional hanya melabur dalam pelaburan yang mengikut mandat. Sebab untuk ini adalah kerana tahap kadar faedah yang tinggi akan menjejaskan keuntungan syarikat yang tidak dapat dielakkan dan memberi kesan kepada nilai kedua-dua ekuiti dan sekuriti hutang. Risiko ini amat penting dalam dana bon kerana pengurusan portfolio bon bergantung kepada ramalan pergerakan kadar faedah. Harga bon bergerak bertentangan dengan pergerakan kadar faedah, oleh itu apabila kadar faedah meningkat, harga bon menurun dan sebaliknya. Tambahan pula, bon dengan tempoh matang yang lebih panjang dan kadar keuntungan yang lebih rendah adalah lebih sensitif terhadap pergerakan kadar faedah.

Risiko Kredit / Kemungkiran

Bon adalah terdedah kepada risiko kredit / kemungkiran sekiranya penerbit instrumen tersebut menghadapi masalah kewangan, yang boleh mengurangkan kebolehpercayaan kredit mereka. Ini mungkin boleh menjurus kepada pengingkaran dalam pembayaran wang pokok dan faedah.

Risiko Ketidakpatuhan

Risiko ini timbul daripada ketidakpatuhan dengan undang-undang, peraturan dan undang-undang, praktik-praktik yang ditetapkan serta dasar dan prosedur dalaman syarikat pengurusan, contohnya, akibat kesilapan syarikat pengurusan. Ketidakpatuhan ini boleh memaksa syarikat pengurusan untuk menjual sekuriti-sekuriti Dana ini dengan kerugian untuk membetulkan ketidakpatuhan dan maka menjejaskan nilai pelaburan pelabur dalam Dana ini. Untuk mengurangkan risiko ini, kawalan dalaman telah disediakan oleh Pengurus Dana untuk menegaskan pematuan undang-undang, peraturan dan undang-undang, praktik-praktik yang ditetapkan serta dasar dan prosedur dalaman Pengurus Dana dengan berterusan.

Risiko Tumpuan

Ini adalah risiko dana memberi tumpuan sebahagian besar asetnya dalam pilihan pelaburan yang lebih kecil. Kejatuhan harga ekuiti tertentu dan / atau pelaburan pendapatan tetap akan memberi kesan yang lebih besar kepada dana dan dengan itu menyebabkan kerugian lebih besar. Risiko ini boleh dikurangkan oleh pengurus dengan melakukan analisis asas yang lebih teliti sebelum melabur dalam setiap sekuriti.

Risiko Syarikat Pengurusan

Prestasi Dana bergantung kepada pengalaman, kecekapan dan pengetahuan syarikat pengurusan. Sekiranya syarikat pengurusan mempunyai kekurangan dalam kualiti-kualiti di atas, ia mungkin akan memberi kesan buruk kepada prestasi Dana.

Risiko Mata Wang

Dana ini berdenominasi dalam MYR, manakala Dana Sasaran mungkin berdenominasi dalam mata wang lain. Prestasi Dana mungkin dipengaruhi oleh pergerakan dalam kadar penukaran antara mata wang MYR dan mata wang denominasi Dana Sasaran. Di mana berkenaan, instrumen lindung nilai mata wang atau kelas Dana lindung nilai mata wang daripada Dana mungkin digunakan untuk meminimumkan risiko mata wang.

Risiko Derivatif

Derivatif (contohnya kontrak depan mata wang) mungkin digunakan untuk melindungi nilai daripada sebarang risiko yang mungkin dikaitkan dengan melabur dalam Dana Sasaran, seperti, tetapi tidak terhad kepada, risiko mata wang. Dana ini mungkin melabur sehingga 100% NAV Dana dalam instrument derivatif.

PRULink Elite Balanced Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2025 melainkan jika dinyatakan

Risiko Portfolio

Dana ini bertujuan untuk pelabur yang boleh menerima risiko yang berkaitan dengan pelaburan terutamanya dalam sekuriti yang dipegang dalam Dana. Pelaburan dalam ekuiti akan tertakluk kepada risiko yang berkaitan dengan ekuiti dan sekuriti yang berkaitan dengan ekuiti, termasuk naik turun harga pasaran, penerbit buruk atau maklumat pasaran dan hakikat bahawa ekuiti dan faedah yang berkaitan dengan ekuiti adalah lebih rendah dalam hak pembayaran dari sekuriti korporat lain, termasuk sekuriti hutang. Begitu juga, pelaburan dalam sekuriti pendapatan tetap tertakluk kepada risiko yang berkaitan dengan sekuriti hutang termasuk risiko kredit dan risiko kadar faedah, dan risiko tambahan yang berkaitan dengan sekuriti hutang hasil tinggi, penyertaan dalam pinjaman dan sekuriti derivatif. Di samping itu, pelabur harus sedar tentang risiko yang berkaitan dengan teknik pengurusan aktif yang dijangka akan digunakan oleh Dana.

Risiko-Risiko Khusus apabila Melabur dalam Dana Sasaran

Risiko Sekuriti

Pergerakan harga yang buruk sekuriti tertentu dilaburkan oleh Dana Sasaran boleh memberi kesan negatif kepada nilai aset bersih Dana Sasaran. Pengurus Dana Sasaran berusaha untuk mengurangkan kesan risiko sekuriti tertentu melalui kepelbagaian portfolio, yang akan membantu dalam penyebaran unsur risiko.

Risiko Pengurusan Dana Sasaran

Walaupun Pengurus Dana akan menggunakan kemahiran dan kecermatan yang sewajarnya dalam memilih Dana Sasaran, ia tidak mempunyai kawalan dalam pengurusan Dana Sasaran dan objektif pengurusan akan dipenuhi adalah tidak dijamin. Ini mungkin menyebabkan pemegang-pemegang polisi mengalami kerugian dalam pelaburan mereka dalam Dana Sasaran.

Dana Sasaran mungkin mengubah objektifnya dan menjadi tidak selaras dengan objektif Dana ini. Dalam keadaan itu, Pengurus Dana akan menggantikan Dana Sasaran dengan skim pelaburan kolektif lain yang Pengurus Dana menganggapnya lebih sesuai untuk memenuhi objektif Dana ini.

Risiko Kesilapan dalam Pengiraan Nilai Aset Bersih Dana Sasaran

Terdapat kemungkinan wujudnya kesilapan dalam pengiraan nilai aset bersih Dana Sasaran. Sekiranya kesilapan itu berlaku, nilai aset bersih Dana Sasaran akan terjejas dengan itu, Dana Sasaran akan mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam peruntukan peraturan berkaitan yang berkenaan dengan Dana Sasaran. Pampasan, jika ada, yang dibayar oleh Dana Sasaran (tertakluk kepada undang-undang bidang kuasa di mana Dana Sasaran itu bermastautin), akan dikreditkan kepada Dana ini sebagaimana dan apabila pampasan diterima.

Memandangkan perkara tersebut di atas, pemegang-pemegang polisi perlu sedar bahawa terdapatnya keadaan di mana baik Dana Sasaran mahupun Pengurus Dana tidak akan terikat untuk membayar pampasan kepada pemilik benefisial yang terakhir.

Risiko Kecairan

Risiko kecairan ini merujuk kepada dua senario. Senario pertama adalah di mana kecairan Dana Sasaran yang diperuntukkan adalah tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan penebusan. Senario kedua adalah di mana Dana Sasaran merupakan dagangan kecil. Sekiranya pelaburan dalam Dana Sasaran merupakan dagangan kecil, ini boleh menyebabkan Dana Sasaran untuk melepaskan pelaburan tersebut pada harga yang tidak menguntungkan di pasaran dan boleh memberi kesan negatif kepada pelaburan pelabur. Risiko ini boleh dikurangkan melalui proses pemilihan keselamatan yang ketat.

PRULink Elite Balanced Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2025 melainkan jika dinyatakan

Risiko Negara-Negara atau Sekuriti-Sekuriti Asing

Risiko ini berkaitan dengan pelaburan dalam sekuriti-sekuriti tersenarai atau bermastautin di negara-negara selain daripada negara mastautin. Sebarang perubahan-perubahan dalam asas ekonomi, kestabilan sosial dan politik, ketidakpastian atau perubahan dalam mata wang rasmi negara, pergerakan mata wang dan dasar pelaburan asing di negara-negara ini boleh meningkatkan turun naik dalam nilai-nilai aset, kecairan dan risiko kemungkiran yang mungkin mempunyai kesan ke atas harga-harga sekuriti yang dilaburkan oleh Dana Sasaran dan maka juga boleh menjejaskan nilai aset bersih Dana Sasaran.

Pelaburan di pasaran tertentu mungkin dihadkan atau dikawal. Di sesetengah negara, pelaburan langsung dalam sekuriti-sekuriti mungkin dilarang dan dihad disebabkan oleh keperluan kawal selia. Sekatan-sekatan ini boleh meningkatkan kos urus niaga dan memberi kesan negatif kepada kecairan sekuriti dan harga yang berkaitan dengan sekuriti.

Pengurus Dana Sasaran akan memantau dan memerhati perkembangan di negara-negara di mana aset-aset Dana Sasaran diperuntukkan. Di samping itu, Pengurus Dana Sasaran juga akan menggunakan proses pelaburan yang sistematik, yang merangkumi penilaian yang kerap, untuk menguruskan dan mengurangkan risiko ini.

Risiko Mata Wang

Pelaburan dasar Dana Sasaran ini mungkin berdenominasi dalam mata wang tempatannya, yang mungkin berlainan daripada mata wang Dana Sasaran. Prestasi Dana Sasaran mungkin dipengaruhi oleh pergerakan dalam kadar penukaran antara mata wang tempatan pelaburan dasar dan mata wang Dana Sasaran.

Risiko Caj-Caj kepada Modal

Caj-caj dan perbelanjaan Dana Sasaran adalah diambil daripada modal, secara keseluruhan atau sebahagian, menyebabkan kemungkinan kekangan pertumbuhan modal.

Sekatan pada Pelaburan Asing

Beberapa negara melarang atau mengenakan sekatan yang teguh pada pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh entiti-entiti asing. Terdapat juga keadaan di mana pesanan pembelian kemudiannya gagal kerana peruntukan yang dibenarkan kepada pelabur asing telah diisi, melucutkan keupayaan Dana Sasaran untuk membuat pelaburan yang diinginkan pada masa tersebut.

Risiko Derivatif

Pengurus Dana Sasaran mungkin melabur dalam derivatif yang akan tertakluk kepada risiko. Walaupun penggunaan derivatif secara bijaksana oleh pengurus-pengurus pelaburan profesional boleh mendatangkan manfaat, namun derivatif melibatkan risiko yang berbeza daripada, dan dalam sesetengah hal, lebih tinggi daripada risiko yang terdapat dalam pelaburan sekuriti yang lebih tradisional. Antara risiko yang dikaitkan dengan derivatif ialah risiko pasaran, risiko pengurusan, risiko kredit, risiko kecairan dan risiko keumpulan. Pelaburan dalam derivatif mungkin memerlukan wang pendahuluan atau margin permulaan dan margin tambahan dengan notis yang singkat jika pasaran bergerak berlawanan dengan kedudukan pelaburan. Jika tiada peruntukan dibuat bagi margin yang diperlukan dalam tempoh masa yang ditetapkan, maka pelaburan itu mungkin dicairkan pada harga yang merugikan. Justeru itu, pelaburan dalam derivatif perlu sekali diawasi dengan rapi.

Pengurus Dana Sasaran mempunyai kawalan yang diperlukan bagi pelaburan dalam derivatif dan mempunyai sistem-sistem yang sesuai untuk mengawasi kedudukan derivatif bagi Dana Sasaran ini. Pengurus Dana Sasaran tidak berhasrat untuk menggunakan urus niaga derivatif bagi tujuan spekulasi atau keumpulan tetapi mungkin menggunakannya untuk pengurusan portfolio yang cekap dan/atau pengurusan risiko. Risiko mata wang merupakan salah satu risiko pasaran yang

PRULink Elite Balanced Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2025 melainkan jika dinyatakan

akan dihadapi oleh dana ini dan nilai boleh dilindung dengan menggunakan derivatif seperti kontrak depan/niaga hadapan pertukaran asing. Selalunya risiko mata wang pendasar mungkin ditanggung akibat membeli ekuiti atau bon pendasar. Jika pengurus dana tidak mahu menanggung risiko mata wang yang dikaitkan dengan aset pendasar ini, dana ini boleh menggunakan kontrak Depan Pertukaran Asing untuk melindungi nilai sebarang risiko mata wang yang timbul daripada pemegangan kedudukan mata wang bukan asas. Pada dasarnya, penggunaan kontrak depan mata wang ini ialah untuk melindungi nilai dana daripada risiko mata wang dalam dana.

Risiko yang dikaitkan dengan pelaburan-pelaburan melalui Stock Connect

Peraturan dan pengawalan yang berkaitan dengan Stock Connect adalah tertakluk kepada perubahan yang mungkin mempunyai kesan retrospektif. Stock Connect tertakluk kepada had-had kuota. Sekiranya penggantungan perdagangan melalui program ini dilaksanakan, keupayaan Dana Sasaran untuk melabur dalam China A Shares atau mengakses pasaran Republik Rakyat China (PRC) melalui program tersebut akan terjejas dengan ketara. Dalam keadaan sedemikian, keupayaan Dana Sasaran untuk mencapai objektif pelaburannya juga mungkin terjejas secara negatif.

Senarai di atas tidak sepatutnya dianggap sebagai senarai risiko-risiko yang lengkap, yang perlu dipertimbangkan oleh pemegang polisi sebelum membuat pelaburan dalam Dana. Pemegang polisi sepatutnya sedar bahawa sebarang pelaburan di dalam Dana mungkin terdedah kepada risiko-risiko lain dari semasa ke semasa.

Pengurusan Risiko

Risiko Peramalan

Risiko yang berpotensi diambil kira dalam proses peruntukan sektor dan pemilihan saham berdasarkan analisis dalam pelbagai faktor utama seperti keadaan ekonomi, kecairan, aspek kualitatif dan kuantitatif sekuriti.

Kawalan Sistem

Parameter risiko ditetapkan secara dalaman bagi setiap dana, bergantung kepada profil risiko pelanggan. Parameter risiko termasuk had pertaruhan penerbit, penerbit kumpulan, ketarafan sektor dan saiz terbitan sekuriti yang dipegang dalam portfolio.

Sistem pejabat depan ditempatkan untuk memantau risiko portfolio, bertindak sebagai penapis automatik untuk sebarang had-had atau pelanggaran.

PRULink Elite Balanced Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2025 melainkan jika dinyatakan

Maklumat Lain

Pasaran Sasaran	Dana ini sesuai untuk Pemegang-pemegang polisi yang: - Mencari peningkatan modal dalam tempoh pelaburan jangka masa panjang. - Mempunyai toleransi risiko sederhana.
Dasar & Kekerapan Penilaian Unit	- Penghargaan unit dibuat setiap hari perniagaan. - Harga Unit bagi Dana PRULink Global tertentu pada sebarang Tarikh Penilaian hendaklah bersamaan Nilai Dana dibahagikan dengan bilangan Unit yang dikeluarkan pada Tarikh Penilaian. - Nilai Dana ialah nilai semua aset Dana PRULink Global selepas pemotongan belanja untuk pengurusan, memperolehi, pengkekalan dan penilaian aset dana, cukai (jika ada) atau levi mengikut undang-undang yang ditanggung oleh Syarikat ke atas pendapatan pelaburan atau keuntungan modal aset Dana dan sebarang pendapatan terakru atau dijangkakan. - Syarikat akan menilai pelbagai Dana-dana PRULink Global pada akhir hari perniagaan (Tarikh Penilaian). Walaubagaimanapun, nilai pelaburan Dana-dana PRULink Global dalam syer, sekuriti faedah tetap dan instrumen pasaran wang pada akhir suatu Tarikh Penilaian hanya akan diketahui satu hari perniagaan nanti. Harga Unit dana PRULink Global akan ditentukan oleh Syarikat pada suatu Tarikh Penilaian hanya akan dibuat dan diberitahu kepada Pemegang Polisi selepas 2 hari perniagaan nanti (T+2). - Untuk mendapatkan balik kos memperoleh dan membuang aset-aset, pembetulan kos urus niaga mungkin dibuat kepada Nilai Dana untuk memulihkan sebarang amaun di mana Dana ini telah atau dijangka untuk membayar bagi penghasilan dan pembatalan unit-unit.
Keadaan-keadaan Luar Biasa	- Syarikat tidak dipaksa untuk menebus atau menukar pada Hari Penilaian lebih daripada 10% Dana PRULink Global yang lebih pada suatu Hari Penilaian. - Syarikat juga berhak dalam keadaan pengecualian (sebagai contoh, bila terdapat jumlah jualan pelaburan jangka masa yang pendek) untuk menangguhkan penukaran atau penebusan Unit-unit dan/atau penyerahan Polisi untuk tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh permohonan. - Syarikat mungkin menangguhkan penghargaan unit dan urusniaga polisi jika mana-mana penukaran di mana Dana dilaburkan ditunda dari berdagang untuk sementara. Dalam keadaan tersebut, suatu notis untuk penangguhan mungkin diterbit dan mungkin diberitahu kepada Pemegang Polisi apabila tokokan, penukaran, penebusan atau pengeluaran ke/dari mana-mana Dana PRULink Global. Senarai keadaan-keadaan luar biasa di atas tidak lengkap. Sila rujuk kepada dokumen polisi anda untuk butir-butir yang lengkap.